



PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

CARA-CARA PERMOHONAN

1. Borang permohonan disi menggunakan pen dakwat biru/hitam dengan terang dan kemas.
2. Pemohon dikehendaki mengemukakan satu (1) permohonan bagi satu (1) premis perniagaan.
3. Pemohon mestilah **Pengarah Syarikat/Pengurus Syarikat yang berdaftar** sahaja.
4. Permohonan atas nama Pengurus atau Pengurus Cawangan hendaklah disertakan bersama surat lantikan yang sah oleh Pengarah Syarikat.
5. Pemohon mestilah **berumur 18 tahun ke atas**.
6. Bagi lesen komposit (melebihi **3 jenis aktiviti perniagaan** dalam 1 premis) dikehendaki melengkapkan maklumat **di BAHAGIAN III.**(Rujuk Borang Permohonan Lesen Perniagaan dan Iklan)
7. Permohonan lesen yang **lengkap** sahaja akan **diterima** dan **diproses**. Sebarang permohonan melalui pos tidak dibenarkan.
8. Bayaran Proses permohonan:

8.1.	Permohonan Baharu bagi Premis Perniagaan & Iklan	-	RM 50.00
8.2.	Permohonan Baharu bagi Premis Industri / Kilang & Iklan	-	RM 300.00
8.3.	Permohonan Pertukaran Nama/Pemilik	-	RM 25.00
8.4.	Permohonan Pertukaran/Tambahan Jenis Perniagaan bagi Premis Perniagaan	-	RM 20.00
8.5.	Permohonan Pertukaran/Tambahan Jenis Perniagaan bagi Premis Industri / Kilang	-	RM 50.00
8.6.	Permohonan Pertukaran /Tambahan Papan Iklan	-	RM 20.00

A. PERMOHONAN BAHARU LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

Dokumen Asas

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon/Passport/Dokumen Pengenalan yang sah
2. Salinan Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (bagi pemilikan tunggal/rakan kongsi)
3. Salinan Pendaftaran Syarikat Sdn. Bhd. yang telah disahkan (bagi syarikat Sdn. Bhd.)
 - 3.1. Borang 9/Borang 8/Borang 13;
 - 3.2. Borang 49;
 - 3.3. Borang 24 terkini;
 - 3.4. Memorandum and Article of Association (MAA);**atau**
 - 3.5. Perakuan Pembedaan Syarikat Persendirian (Seksyen 17);
 - 3.6. Maklumat Syarikat (Corporate Information);
4. Lampiran papan iklan di premis (**berwarna**)
 - 4.1. Visual papan iklan yang **telah disahkan** oleh Dewan Bahasa dan Pustaka; **atau**
 - 4.2. Sijil Pengesahan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (Permohonan atas talian)
5. Gambar berwarna keadaan luar (hadapan) dan ruang perniagaan dalam premis perniagaan

Dokumen Tambahan (Jika berkenaan)

1. Pelan Lokasi Perniagaan / Koordinat
2. Surat Kelulusan Pelan Bangunan / Permit Bangunan Sementara
3. Surat Kelulusan KM / KMT
4. Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (SKM/CFO)/Borang F (CCC)
5. Salinan Perjanjian Sewa Premis Perniagaan (*Tenancy Agreement*)/Perjanjian Jual Beli Premis (*Sale and Purchase Agreement*) yang telah dimeterai (*stamping*).

Dokumen Tambahan (Perusahaan/Menjual dan Membekal Makanan/Minuman)

1. Gambar yang telah dipasang dan dilapisi batu jubin (*tiles*)
 - a. Lantai Dapur
 - b. Dinding Dapur (setinggi 5 kaki)
2. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan.
3. Salinan Buku/Kad Suntikan tifoid (TY2) bagi pemohon dan seorang pekerja
4. Gambar/Resit pembelian alat perangkap minyak (*Grease Trap*) di premis makanan.

Dokumen Tambahan (Lain-lain)

1. **Taska/Pusat Jagaan/Tadika/Pusat Tuisyen/Institusi Swasta**
 - 1.1. Surat Ulasan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
 - 1.2. Perakuan Pendaftaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor
 - 1.3. Perakuan Pendaftaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
 - 1.4. Surat Sokongan jiran bagi kawasan perumahan.
2. **Bengkel/Perusahaan/Perindustrian.**
 - 2.1. Surat Sokongan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Johor.
3. **Klinik.**
 - 3.1. Majlis Perubatan Malaysia
 - 3.1.1. Perakuan Pendaftaran Penuh (Borang 10)
 - 3.1.2. Perakuan Amalan Tahunan (Borang 12).
 - 3.2. Kementerian Kesihatan Malaysia
 - 3.2.1. Perakuan Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta (Borang B atau F)
4. **Farmasi**
 - 4.1. Sijil Tahunan Ahli Farmasi (Borang 12)
 - 4.2. Sijil Tahunan Pertubuhan Perbadanan (Borang 13)
 - 4.3. Sijil Pendaftaran Ahli Farmasi (Borang 5/Borang 6)
 - 4.4. Sijil Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan (Borang 7/Borang 9)
 - 4.5. Surat Sokongan dari Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor.
5. **Kedai Minuman (PUB)/Arak Runcit/Hiburan/Pawagam.**
 - 5.1. Pejabat Daerah Johor Bahru (Lesen Arak/Rumah Awam Kelas 1/Hiburan)
6. **Pengurup/Kiriman Wang.**
 - 6.1. Lesen Pengurup, Bank Negara.
7. **Pemberi Pinjaman Wang.**
 - 7.1. Lesen Pemberi Pinjam Wang, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
8. **Pusat Kecantikan/Urut/Rawatan/Gunting Rambut/Keriting Rambut.**
 - 8.1. Laporan Patologi yang telah disahkan oleh Doktor Perubatan sah 6 bulan dari tarikh pemeriksaan
9. **Pusat Cuci Kerata**
 - 9.1. Gambar dinding dan lantai yang telah dipasang dan dilapisi batu jubin (*tiles*) atau di cat kalis air.
10. **Kedai Dobi**
 - 10.1. Suruhanjaya Tenaga
 - 10.1.1. Lesen Penggunaan Gas (LPG)
 - 10.1.2. Kelulusan untuk Memasang (ATI)
 - 10.1.3. Kelulusan untuk Mengendali (ATO)

11. **Ladang Ternakan Kuda/Ayam/Ikan dan lain-lain haiwan, Menjual Haiwan Peliharaan, Pusat Kecantikan/Spa Haiwan**
 - 11.1. Surat Sokongan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar
12. **Menjual Racun Rumpai & pokok serta baja**
 - 12.1. Surat Sokongan/ Kebenaran, Jabatan Pertanian
13. **Kedai ubat / menjual ubat tradisional / Perkhidmatan Hemodialisis**
 - 13.1. Surat Sokongan dari Bahagian Perkhidmatan Farnasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor.
14. **Rawatan Tradisional Melayu/ Perubatan Tradisional Cina/ Perubatan Tradisional India/ Hemeopati / Kiropraktik / Osteopati / Amalan Perubatan Islam**
 - 14.1. Perakuan Pendaftaran di Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor
15. **Perusahaan Percetakan Kertas**
 - 15.1. Surat Sokongan/ Kebenaran, Kementerian Dalam Negeri
16. Perakuan Pendaftaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Johor
17. Perakuan Agensi Pelancongan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
18. Lesen Pengeluaran Filem, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
19. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor
20. Pejabat Daerah Johor Bahru
21. Jabatan Pendidikan Negeri Johor
22. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor
23. Ibu Pejabat Polis Daerah
24. Jabatan Pelancongan Negeri Johor
25. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
26. Bank Negara Malaysia
27. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
28. Salinan Pelan dan Surat Kelulusan Pelan Bangunan Sesebuah atau Pelan Ubahan/Tambahan sekiranya terdapat ubahan/tambahan pada bangunan.
29. Salinan Perjanjian/Surat Pengesahan perkhidmatan mengangkat sampah bagi premis kilang/bengkel. (serta salinan Sijil/Lesen dari Jabatan Pengurusan Sisa dan Pepejal oleh Kontraktor Sampah)
30. Lain-lain _____

_____ (nyatakan)

B. PERMOHONAN PERTUKARAN NAMA/PEMILIK SYARIKAT

1. Salinan Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia. (bagi pemilikan tunggal/rakan kongsi)
2. Salinan Pendaftaran Syarikat Sdn. Bhd. yang telah disahkan; (bagi syarikat Sdn. Bhd.)
 - 2.1. Borang 9/Borang 8/Borang 13;
 - 2.2. Borang 49
 - 2.3. Borang 24 terkini;
 - 2.4. Memorandum and Article of Association (MAA);
Atau
 - 2.5. Perakuan Pemerbadanan Syarikat Persendirian (Seksyen 17)
 - 2.6. Maklumat Syarikat (*Corporate Information*)
3. Salinan Kad Pengenalan pemohon/Pasport.
4. Salinan Lesen Premis Perniagaan dan iklan sedia ada.

C. PERMOHONAN PERTUKARAN/TAMBAHAN JENIS PERNIAGAAN ATAU PAPAN IKLAN

1. Salinan Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (bagi pemilikan tunggal/rakan kongsi).
2. Salinan Pendaftaran Syarikat Sdn. Bhd yang telah disahkan (bagi syarikat Sdn. Bhd.)
 - 2.1. Borang 9/Borang 8/Borang 13;
 - 2.2. Borang 49;
 - 2.3. Borang 24 terkini;
 - 2.4. Memorandum and Article Association (MAA);
Atau
 - 2.5. Perakuan Pemerbadanan Syarikat Persendirian (Seksyen 17);
 - 2.6. Maklumat Syarikat (*Corporat Information*).
3. Salinan Kad Pengenalan pemohon/Pasport.
4. Lampiran papan iklan di premis (berwarna).
 - 4.1. Visual papan iklan yang **telah disahkan** oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, **atau**
 - 4.2. Sijil Pengesahan Bahasa, dewan Bahasa dan Pustaka (permohonan atas talian).
5. Salinan Lesen Premis Perniagaan dan iklan sedia ada.

Nota:

Pemohon dikehendaki membawa bersama dokumen asal bagi tujuan semakan.